

TARIKH: 2/6/23
SURAT KHABAR: Harian Metro
MUKA SURAT: 12

Pencarum Perkeso nikmati saringan kesihatan percuma

Petaling Jaya: Pencarum bertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) kini boleh menikmati pemeriksaan kesihatan percuma dengan top ujian kesihatan yang lebih komprehensif.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Mustapha Sakmud berkata, Program Saringan Kesihatan 3.0 ini adalah inisiatif perlindungan keselamatan sosial yang diamalkan Kerajaan kepada 5M menerusi Perkeso di bawah Belanjawan 2023.

Katanya, kerajaan meruntukan geran padanan rjumlah sehingga RM70 juta di bawah Belanjawan 2023 untuk pelaksanaan ber-



ia dapat membantu individu mengesan penyakit di peringkat awal serta mengambil langkah mengawal penyakit”

Mustapha Sakmud

kenaan.

Menurutnya, parameter saringan kesihatan dalam program ini ditambahkan baik dengan ujian pemeriksaan yang lebih meluas bagi mengesan lebih banyak fak-



MUSTAPHA (empat dari kanan) melawat pusat saringan kesihatan di UEM Edgenta Learning Centre, Petaling Jaya.

tor risiko penyakit tidak berjangkit.

“Analisis HSP bagi tahun

lalu mendapati 42 peratus pekerja mengalami masalah obesiti, 14.1 peratus meng-

hidap kencing manis, 27.9 peratus menghidap darah tinggi dan 61.2 peratus mempunyai masalah kolesterol tinggi.

“Dengan adanya pemeriksaan saringan kesihatan, ia dapat membantu individu mengesan penyakit di peringkat awal serta mengambil langkah mengawal penyakit bagi mengelakkan komplikasi yang lebih serius,” katanya melancarkan Program Saringan Kesihatan Perkeso 3.0 (HSP), semalam.

Hadir sama Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Sementara itu, Mohammed Azman berkata, ‘No Claim Discount’ (NCD) perlu diberi perhatian kerana ia boleh memberi kesan negatif kepada mata pencarian pekerja.

“Hal ini kerana NCD yang serius boleh menjejaskan keupayaan individu menjalankan pekerjaan dan menyebabkan kematian awal,” katanya.

Menurutnya, pekerja adalah aset utama bagi sesuatu organisasi dalam memacu operasi dan perniagaan, jadi tahap kesihatan pekerja amat berkait rapat dengan produktiviti dan laba syarikat.